

# PENGALAMAN MUZIK BERBEZA

Persembahan eksklusif Ola Bola diiringi kumpulan pemuzik hebat MPO

**Ramiah Zainal**  
ramiah@hmetro.com.my

**Selepas** mendapat sambutan luar biasa dengan kutipan tiket melebihi RM15 juta sewaktu ditayangkan di pawagam tahun lalu, filem hebat Ola Bola bakal diangkat ke pentas berprestij Dewan Filharmonik Petronas (DFP), KLCC pada 15 dan 16 September ini, jam 8.30 malam.

Persembahan eksklusif Ola Bola yang dianjurkan sempena sambutan Hari Malaysia ini bakal diiringi kumpulan pemuzik hebat Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO) buat julung kalinya.

Konsert Ola Bola - Movie With Live Music dengan iringan MPO ini bakal dipimpin konduktor kelahiran Australia, Jessica Cottis. Manakala, skor muziknya digubah untuk MPO oleh Issac Chia dan komposer terkenal Onn San yang pernah memenangi Anugerah Skor Muzik Asal Terbaik, Festival Filem Malaysia ke 28 (filem Ola Bola).

Menurut pemilik nama sebenar, San Weng Onn, 33, dia sangat teruja kerana diberi kepercayaan bekerjasama dengan MPO untuk merealisasikan persembahan istimewa itu.

"Setakat ini, semua persiapan konsert eksklusif ini berjalan lancar. Persiapan untuk skor muzik sudah dibuat sejak tiga bulan lalu.

"Pihak kami juga mengadakan sesi latihan dengan orkestra selama seminggu menjelang hari persembahan," katanya.

Onn berkata, pada persembahan istimewa itu, penonton akan dihiburkan dengan rangkaian 44 skor muzik yang diangkat daripada runut bunyi filem Ola Bola sebelum ini.

"Lebih menarik, daripada 44 skor muzik, ada 11 skor muzik baru yang dicipta khas khusus untuk konsert ini dan belum pernah diperdengarkan," katanya.

Beliau ditemui pada sidang media yang berlangsung di Hotel Traders, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar MPO Timothy Tsukamoto dan Pentadbir Artistik MPO Khor Chin Yang.

Pemegang Sarjana Seni Halus dari New York University, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Muzik

Klasik dari UCSI University ini mengakui peluang bekerjasama dengan MPO antara pencapaian terbesar dalam kariernya.

"Saya terharu kerana diberi peluang dan penghargaan ini. Ia bukan kali pertama saya bekerjasama dengan persembahan untuk orkestra sebelum ini.

"Saya pernah menonton persembahan istimewa tayangan filem dengan iringan orkestra. Ia sangat hebat malah penonton juga sedar ia bukan sekadar runut bunyi dan akan lebih menghargai sesebuah karya.

"Persembahan ini sangat istimewa dan satu cara berbeza untuk menikmati pengalaman muzik secara langsung di pentas," katanya.

## **PENAMPILAN JUWITA SUWITO**

Bagi menyemarakkan persembahan, penyanyi jempunan, Juwita Suwito diberi penghormatan untuk menyanyikan lagu tema filem Ola Bola berjudul Arena Cahaya yang digubah semula khusus untuk konsert itu. Lagu Arena Cahaya ciptaan dan nyanyian Zee Avi serta diterbitkan bersama Rendra Zawawi juga memenangi Anugerah lagu Tema Asal Terbaik di Taipei Golden Horse Film Festival.

Menurut Onn, Juwita dipilih atas persetujuan bersamanya dengan pihak MPO.

"Secara peribadi, saya memang mengharapkan penyanyi asal iaitu Zee Avi untuk menyampaikan lagu ini tetapi dia tidak dapat memberikan komitmen pada tarikh persembahan. Zee Avi memang berminat dengan projek ini tetapi jadual kerjanya tidak mengizinkan," katanya.

Menurut Onn, dia berpuas hati dengan persembahan Juwita menyampaikan lagu itu.

"Vokal Juwita bertaraf antarabangsa dan menepati kriteria penyanyi yang sesuai untuk menyampaikan lagu ini," katanya.

Tiket untuk menonton persembahan Konsert Ola Bola - Movie With Live Music ini boleh didapati di laman web Malaysian Philharmonic Orchestra dengan harga daripada RM120 hingga RM240.

Keterangan lanjut, layari [www.mpo.com.my](http://www.mpo.com.my).



**ONN selaku komposer Konsert Ola Bola - Movie With Live Music**

**TIMOTHY (kiri) dan Khor pada sidang media Konsert Ola Bola - Movie With Live Music.**

